

قندیدیقن قنچکمن رسوا

Pendidikan Pencegahan Rasuah

Buku Kerja



Tahun 8

قندید یقن قچکهن رسواه

Pendidikan Pencegahan Rasuah

TAHUN 8

Nama : _____

Menegah : _____

ISBN: 99917-51-08-4



Biro Mencegah Rasuah
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam



Jabatan Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2006 (Edisi Percubaan)

© Hak Cipta Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan Perkembangan Kurikulum.

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dengan apa jua bentuk atau dengan alat apa jua pun sama ada dengan cara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Buku ini diusahakan penerbitannya oleh
Jawatankuasa Kerja Pendidikan Pencegahan Rasuah, Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan
Perkembangan Kurikulum.

Hiasan kulit dan ilustrasi dalam.

Pengiran Kamarulzaman bin Pengiran Haji Tajuddin

Diatur huruf oleh

Awang Haji Abd Raub bin Haji Mohd Yassin

Haji A Abd Rahman bin Md Hussin

Awg Mohd Yusof bin DPS Haji Abd Rahman

Dk Hajah Norutama binti Pg Haji Hassan

Dyg Rahimah binti Awg Ma'aruf

(Biro Mencegah Rasuah)

(Jabatan Perkembangan Kurikulum)

(Biro Mencegah Rasuah)

(Biro Mencegah Rasuah)

(Biro Mencegah Rasuah)

Muka Taip Teks: Time New Roman

Saiz Taip Teks: 11/12/14 poin

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PRAKATA

PEMANGKU PENGARAH BIRO MENCEGAH RASUAH JABATAN PERDANA MENTERI

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian bagi Allah subhanahu wa taala, selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad sallallahu alaihi wassalam, kaum kerabat serta para sahabat dan pengikut-pengikut baginda yang taat setia hingga ke akhir zaman.

Syukur ke atas rahmat-Nya dan keredaan-Nya jua pada tahun 2006 ini, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan sekali lagi telah dapat melaksanakan penerbitan buku-buku Pendidikan Pencegahan Rasuah bagi Darjah 2, Menengah 2, dan Menengah 5.

Penerbitan buku ini diteruskan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2011 nanti dan dalam tempoh tersebut, buku-buku Pendidikan Pencegahan Rasuah yang lain iaitu buku-buku Pendidikan Pencegahan Rasuah bagi Darjah 3 hingga Darjah 6 dan Menengah 3 akan dilaksanakan mengikut program yang telah diaturkan.

Mudah-mudahan dengan terbitnya buku-buku Pendidikan Pencegahan Rasuah ini, hasrat penyerapan pendidikan asas mengenai rasuah ke dalam pendidikan normal di sekolah-sekolah seluruh negara akan dapat melahirkan individu-individu dan masyarakat yang bermoral dan berakhlak mulia sebagai tulang belakang dan menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn Bhd (BSP), Syarikat Gas Cecair Asli Brunei Sdn Bhd (BLNG), Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sdn Bhd (BSM), dan Brunei Shell Tankers Sdn Bhd (BST), semua ahli Jawatankuasa Pandu Pendidikan Pencegahan Rasuah dan Jawatankuasa Kerja Pendidikan Pencegahan Rasuah serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Akhir kata, kepada Allah subhanahu wa taala jua kita pohonkan taufik dan hidayah. Semoga buku ini akan dapat meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat dan penduduk negara ini tentang bahaya dan risiko rasuah. Marilah kita sama-sama berganding bahu dan bekerjasama untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebuah negara yang bersih daripada rasuah. Mudah-mudahan usaha yang berkeabajikan seperti ini akan sentiasa mendapat keredaan Allah subhanahu wa taala, insya-Allah.

Wassalam.

PENGIRAN KASMIRHAN BIN PENGIRAN HAJI TAHIR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PRAKATA

PENGARAH JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Alhamdulillah syukur kehadiran Allah Subhanahu wa taala kerana dengan izin dan limpah kurnia rahmat-Nya jua buku kerja Pendidikan Pencegahan Rasuah Menengah 2 ini telah dapat diusahakan sebagai lanjutan terbitan siri buku yang terdahulu melalui kerjasama ahli jawatankuasa di antara Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dengan Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Perdana Menteri.

Buku kerja ini digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran yang diserapkan ke dalam mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) di sekolah-sekolah menengah. Melalui pendidikan rasuah ini dihasratkan dapat membantu para pelajar supaya memahami dan menghayati tentang gejala rasuah. Sebagaimana diketahui bahawa perbuatan rasuah itu membawa kesan buruk kepada kesejahteraan individu dan masyarakat yang terlibat serta boleh mencemarkan maruah negara. Di samping itu, perbuatan rasuah adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam yang menekankan terhadap kemurnian tatasusila kemanusiaan.

Kejayaan pendidikan rasuah ini banyak bergantung kepada kemahiran, strategi, teknik, kaedah dan alat bantu pengajaran yang digunakan oleh guru-guru. Kandungan buku ini boleh diolah dengan menarik supaya pengajaran lebih berkesan.

Dalam menyempurnakan penyusunan buku ini, sukacita mencatatkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ahli jawatankuasa kerja Pendidikan Pencegahan Rasuah serta semua pihak yang terlibat atas inisiatif dan sikap dedikasi yang gigih bagi menerbitkan buku ini. Dipohonkan taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu wa taala supaya pendidikan ini dapat meningkatkan kesedaran dikalangan rakyat dan penduduk negara ini tentang bahaya dan menjauhi perbuatan rasuah bagi memujudkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang makmur dan sejahtera yang berterusan, insya-Allah.

Wassalam.

HAJAH AISHAH BINTI HAJI MUHAMMAD HUSAIN

PENGHARGAAN

JAWATANKUASA PANDU PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH

PENASIHAT BERSAMA

Yang Mulia Dyg Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman
Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dato Paduka Haji Sheikh Adnan bin Sheikh Mohamad
Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan

PENGERUSI BERSAMA

Yang Mulia Pengiran Kasmirhan bin Pengiran Haji Tahir
Pemangku Pengarah Biro Mencegah Rasuah

Yang Mulia Dyg Hajah Aishah binti Haji Muhammad Husain
Pengaruh Jabatan Perkembangan Kurikulum

TIMBALAN PENGERUSI BERSAMA

Yang Mulia Abang Haji Kifrawi bin OKPSD Abang Haji Abu Hanifah
Pemangku Timbalan Pengarah Biro Mencegah Rasuah

Yang Mulia Awg Haji Matassan bin Haji Bungso
Penolong Pengarah Jabatan Perkembangan Kurikulum

SETIAUSAHA BERSAMA

Yang Mulia Awg Haji Abd Raub bin Haji Mohd Yassin
Ketua Penyiasat Khas Biro Mencegah Rasuah

Yang Mulia Awg Haji Md Yusof bin Haji Tengah
Pegawai Pelajaran Jabatan Perkembangan Kurikulum

AHLI-AHLI

Yang Mulia Awg Haji Abdullah bin Abd Rahman
Penolong Pengarah Kanan Biro Mencegah Rasuah

Yang Mulia Awg Ang Swee Kiang
Pemangku Penolong Pengarah Kanan Biro Mencegah Rasuah

Yang Mulia Ak Abdullah bin Pengiran Haji Tengah
Penolong Pengarah Jabatan Perkembangan Kurikulum

Yang Mulia Dyg Hajah Rosni binti Haji Abd Salam
Pegawai Pelajaran Jabatan Perkembangan Kurikulum

Yang Mulia Dyg Hajah Zaiton binti Haji Mohsin
Pegawai Kurikulum Jabatan Perkembangan Kurikulum

PENGHARGAAN

JAWATANKUASA KERJA PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH

PENGERUSI BERSAMA

Yang Mulia Awg Haji Abd Raub bin Haji Mohd Yassin
Ketua Penyiasat Khas Biro Mencegah Rasuah

Yang Mulia Awg Haji Matassan bin Haji Bungso
Penolong Pengarah Perkembangan Kurikulum

TIMBALAN PENGERUSI

Yang Mulia Awg Mohd Yusof bin DPS Haji Abd Rahman
Penyiasat Khas Kanan Biro Mencegah Rasuah

Yang Mulia Awg Haji Md Yusof bin Haji Tengah
Pegawai Pelajaran Jabatan Perkembangan Kurikulum

SETIAUSAHA BERSAMA

Yang Mulia Dyg Rahimah binti Ma'aruf
Penolong Penyiasat Khas Biro Mencegah Rasuah

Yang Mulia Awg Haji Morsidi bin Haji Bayau
Pegawai Pelajaran Jabatan Perkembangan Kurikulum

Yang Mulia Pengiran Haji Mohamad bin Pengiran Haji Damit
Pegawai Pelajaran Jabatan Perkembangan Kurikulum

AHLI-AHLI

Yang Mulia Dk Hajah Norutama binti Pg Haji Hassan
Penolong Penyiasat Khas Biro Mencegah Rasuah

Yang Mulia Haji A Abd Rahman bin Md Hussin
Pegawai Kurikulum Jabatan Perkembangan Kurikulum

Yang Mulia Haji Tamam bin Haji Timbang
Pegawai Pelajaran Jabatan Perkembangan Kurikulum

Yang Mulia Dyg Hajah Zaiton binti Haji Mohsin
Pegawai Kurikulum Jabatan Perkembangan Kurikulum

Yang Mulia Md Nawawi bin Dato Paduka Haji Zaidin
Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam

Yang Mulia Dyg Siti Hajar binti Haji Osman
Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam

KANDUNGAN

TAJUK	GERAK KERJA	MUKA SURAT
PERCAYA	GERAK KERJA 1	2
	GERAK KERJA 2	3
	GERAK KERJA 3	4
	GERAK KERJA 4	4
BENAR	GERAK KERJA 1	6
	GERAK KERJA 2	7
	GERAK KERJA 3	8
	GERAK KERJA 4	8 - 9
PATUH	GERAK KERJA 1	11
	GERAK KERJA 2	11
	GERAK KERJA 3	12 - 14
	GERAK KERJA 4	15
TANGGUNGJAWAB	GERAK KERJA 1	17
	GERAK KERJA 2	18
	GERAK KERJA 3	19
	GERAK KERJA 4	19

PERCAYA

Percaya ialah yakin atau mengakui sesuatu yang benar. Orang Islam wajib percaya kepada Allah subhanahu wa taala dan Rasul-rasul serta ajaran-ajaran yang diberikan. Percaya kewujudan Allah subhanahu wa taala adalah asas kesejahteraan hidup beragama dan juga sebagai panduan hidup manusia. Apabila kita percaya kepada Allah subhanahu wa taala, kita akan yakin bahawa Allah subhanahu wa taala itu ada dan sentiasa memelihara kesejahteraan hidup kita.

Kepercayaan terhadap kepimpinan raja atau pemerintah mestilah wujud di kalangan rakyat dan penduduk. Kepercayaan tersebut membolehkan sesebuah negara itu dalam keadaan aman damai, rakyat dan penduduknya hidup dalam harmoni dan sejahtera. Kepercayaan di antara pemimpin dan rakyat adalah penting bagi membolehkan setiap orang menjalankan peranannya dengan rasa yakin dan teratur. Sekiranya tidak wujud kepercayaan sesama sendiri maka keadaan akan menjadi tidak teratur dan sempurna.

Orang yang boleh dipercayai adalah orang yang jujur, amanah dan boleh diharap. Jika seseorang itu boleh dipercayai dia akan mendapat kepercayaan sepenuhnya dalam melaksanakan tugas yang diberikan kepadanya. Tetapi jika seseorang itu diketahui dengan sikapnya yang selalu berbohong, dia tidak akan mendapatkan kepercayaan daripada orang. Misalnya seorang pekerja yang amanah dan jujur akan menjadi kepercayaan ketuanya untuk menyimpan wang syarikat ke bank. Ini kerana dia dapat dipercayai untuk membuat kerja itu dengan baik dan boleh ditempatkan dalam jawatan yang diamanahkan kepadanya.

Begitu juga sesama kawan-kawan kita. Jika kita saling percaya-mempercayai, akan wujudlah kemesraan dan hormat-menghormati. Adalah penting bagi kita untuk berkawan dengan orang yang boleh dipercayai kerana mereka boleh diharap dan menjadi kawan yang sejati kepada kita. Kita juga harus mempercayai diri sendiri. Ini penting kerana sekiranya kita mempercayai diri sendiri kita akan menjadi yakin dan dapat membuat sesuatu perkara dengan baik dan sempurna.

Oleh itu kepercayaan adalah penting dalam kehidupan seharian bagi mewujudkan suasana aman dan harmoni. Tanpa kepercayaan tentulah wujud buruk sangka yang menyebabkan tiada kemesraan dan putus tali silaturahim.

Gerak Kerja 1

Jawab soalan-soalan di bawah ini.

1. Apakah yang dikatakan percaya itu?

2. Berikan contoh sesuatu perkara yang mesti dipercayai.



3. Mengapakah kita mesti percaya kepada kepimpinan raja atau pemimpin?

4. Mengapakah kita perlu percaya kepada diri sendiri?

5. Apakah akibatnya apabila awda tidak percaya kejujuran seseorang?

Gerak Kerja 2

Pilih SATU gambar yang menunjukkan sikap percaya kepada Allah subhanahu wa taala dan berikan penjelasan.



Gerak Kerja 3

Isikan tempat-tempat kosong di bawah dengan perkataan yang sesuai di dalam petak.

kebahagiaan	perbuatan	mempercayai	kepercayaan	wajib
-------------	-----------	-------------	-------------	-------

1. Yusof _____ kata Zamri yang berjanji akan datang ke rumahnya untuk menyiapkan projek sekolah mereka.
2. Sikapnya yang jujur dan amanah itu menyebabkan dia menjadi orang _____ majikannya.
3. Orang Islam _____ percaya bahawa Allah subhanahu wa taala Maha Melihat dan Maha Mengetahui.
4. Fuad tidak merokok kerana _____ itu boleh memudaratkan kesihatan.
5. Suami isteri mestilah saling percaya-mempercayai bagi mewujudkan _____ dalam kehidupan berumah tangga.

Gerak Kerja 4

Tandakan (√) untuk perlakuan yang betul dan (x) untuk perlakuan yang salah.

1. Bersyukur atas segala nikmat Allah merupakan amalan orang yang percaya kepada Allah subhanahu wa taala. ☐
2. Seorang ketua yang boleh dipercayai akan dapat menjalankan tugasnya dengan jujur dan amanah. ☐
3. Bersembahyang hanya apabila kita menghadapi kesusahan hidup. ☐
4. Jika orang mempercayai kita, kita hendaklah mengkhianatinya. ☐
5. Berkawan dengan orang yang boleh dipercayai akan mewujudkan persahabatan yang berkekalan. ☐

BENAR

Benar ialah satu sikap atau perbuatan yang menunjukkan apa yang dicakapkan atau dilakukan adalah betul dan lurus. Orang yang bersikap benar ialah orang yang dapat dipercayai, jujur dan tidak berbohong. Orang yang bercakap benar tidak akan menyatakan sesuatu yang salah walaupun untuk melindungi dirinya sendiri atau orang lain. Misalnya, seorang anak yang dengan tidak sengaja telah merosakkan barang kepunyaan bapanya akan memberitahu perkara yang benar walaupun dia tahu perkara itu akan menimbulkan masalah kepadanya.

Sikap benar juga berhubung kait dengan sikap jujur. Seseorang yang bersikap benar akan sentiasa memelihara dirinya supaya bersikap jujur dan boleh dipercayai. Dia akan sedaya upayanya untuk tidak berbohong kepada orang lain dan juga menipu dirinya sendiri. Orang yang bersikap benar boleh mengetahui perkara yang betul atau sebaliknya. Dia juga tahu jika bersikap benar dia tidak akan menipu dirinya sendiri dan orang akan senang untuk memberi kepercayaan kepadanya.

Sikap benar adalah penting dalam apa jua perbuatan atau tindakan. Sikap ini semestinya menjadi amalan kita, bukan sahaja terhadap keluarga kita malah terhadap kawan-kawan, guru-guru dan juga masyarakat. Jika kita bersikap benar orang akan mempercayai dan menghormati kita. Kawan-kawan akan berasa senang untuk berkawan dengan kita. Misalnya, di sekolah pelajar yang bersikap benar akan diberi kepercayaan untuk menjadi ketua persatuan atau ketua kelas.

Sebaliknya, seseorang yang tidak bercakap benar, suka berbohong dan menipu akan menimbulkan masalah seperti kekeliruan dan perpecahan sesama sendiri. Kawan-kawan kita tidak akan suka mendekati kita apatah lagi untuk berkawan. Misalnya, seorang kawan yang diketahui suka berbohong dan menipu. Dia tidak akan mendapat kepercayaan kawan-kawannya untuk meminjamkan barang-barang mereka kepadanya kerana mereka tahu barang yang mereka pinjamkan itu belum tentu akan dikembalikannya.

Oleh itu sikap benar mestilah dipupuk dan dipelihara. Ini kerana apabila wujud sikap ini, tentulah dapat melahirkan masyarakat yang bersikap jujur, amanah, bertanggungjawab, dan beriman.

Gerak Kerja 1

Jawab soalan-soalan di bawah ini.

1. Apakah yang dikatakan dengan sikap benar itu?

2. Apakah yang akan terjadi apabila seseorang itu tidak bersikap benar?

3. Bagaimanakah caranya untuk mengetahui seseorang itu mempunyai sikap benar?

4. Mengapakah kita perlu bersikap benar terhadap diri sendiri?

5. Awda adalah seorang yang bersikap benar. Jelaskan.

Gerak Kerja 2

Pilih gambar yang menunjukkan sikap benar dan berikan penjelasan.



Gerak Kerja 3

Isikan tempat-tempat kosong di bawah dengan perkataan yang sesuai di dalam petak.

senang	masalah	benar	mulia	bohong
--------	---------	-------	-------	--------

1. Bercakap _____ adalah dilarang dalam agama Islam.
2. Kita mestilah bercakap _____ kepada kedua-dua orang tua kita.
3. Bercakap benar adalah satu amalan yang _____.
4. Apabila seseorang itu bercakap benar, orang lain akan berasa _____ bergaul dengannya.
5. Seseorang yang tidak bercakap benar boleh menimbulkan _____.

Gerak Kerja 4

Syamsul kehilangan wang berjumlah lima ringgit di sekolahnya. Dia melaporkan hal itu kepada ketua darjahnya, Nawawi. Belum pun sempat Syamsul memberitahu jumlah wang yang hilang itu, Nawawi memberitahu bahawa dia terjumpa wang sepuluh ringgit di kantin sekolah.

“Adakah wang ini kepunyaanmu, Syamsul?” tanya Nawawi. Syamsul terus mengaku bahawa wang itu adalah kepunyaannya. Kemudian Nawawi pun terus memberikan wang itu kepada Syamsul.

Jawab soalan-soalan di bawah ini.

1. Berikan pendapat awda tentang tindakan yang dibuat oleh Syamsul itu.

2. Adakah tindakan Nawawi itu betul? Berikan ulasan awda.

3. Cadangkan apakah yang sepatutnya dibuat oleh Syamsul sebelum mengaku wang itu kepunyaannya?

4. Jika awda dalam situasi Syamsul, apakah yang awda akan lakukan?

5. Berikan ulasan dan pendapat awda mengenai cerita ini.

PATUH

Patuh ialah taat, tidak membantah, tidak ingkar, menurut dan mengikut peraturan, perintah atau hukuman sebagai amalan hidup. Salah satu sikap patuh ialah taat kepada peraturan dan undang-undang yang ditentukan. Sikap ini perlu ada pada setiap individu bagi mewujudkan suasana masyarakat yang harmoni dan negara yang aman.

Sikap patuh boleh diwujudkan dengan mengikuti peraturan dan tata tertib dalam kehidupan berkeluarga, mematuhi peraturan-peraturan sekolah dan juga patuh kepada perintah ibu bapa, agama, dan undang-undang negara. Sebagai seorang anak, kita wajib patuh kepada perintah, nasihat dan teguran ibu bapa. Apabila kita patuh kepada ibu bapa, ibu bapa akan berasa senang hati dan gembira. Sebagai seorang pelajar sekolah, kita patut patuh dan mengikut arahan yang diberikan oleh guru kita kerana sikap tersebut mendatangkan kebaikan kepada kita juga.

Tujuan sikap patuh ialah memimpin dan memelihara seseorang. Seseorang yang bertanggungjawab selalu memastikan yang mereka patuh kepada peraturan, bukan sahaja kepada keluarga malah patuh kepada peraturan-peraturan sekolah dan undang-undang negara. Seseorang yang bersikap patuh juga boleh dapat mendisiplinkan diri mereka untuk mengikuti dan menuruti apa jua arahan yang diberikan kepada mereka.

Bersikap patuh tidak akan merugikan seseorang, malah sikap tersebut akan menguntungkan dan membuat semua pihak gembira. Seseorang yang mempunyai sikap patuh mengikut setiap peraturan walaupun tidak dilihat oleh orang lain. Sikap patuh adalah salah satu sikap jujur dan taat.

Seseorang yang tidak patuh kepada peraturan akan menimbulkan masalah kerana dia akan membuat apa sahaja yang disukainya tanpa memikirkan orang lain. Misalnya, apabila seseorang pemandu kereta tidak mahu berhenti ketika lampu isyarat berwarna merah, boleh mendatangkan kemalangan dan melibatkan orang yang tidak bersalah. Sebaliknya seseorang yang mempunyai sikap patuh kepada peraturan akan mudah dipercayai dan disenangi.

Gerak Kerja 1

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah.

1. Undang-undang negara dan peraturan hidup bermasyarakat tidak perlu dipatuhi. ☐
2. Kita boleh menegur seseorang yang cuba merosakkan kemudahan awam. ☐
3. Kita mesti melaporkan sebarang kegiatan yang mencurigakan walaupun melibatkan jiran. ☐
4. Sebagai anak, kita wajib patuh kepada perintah kedua-dua ibu bapa kita. ☐
5. Di sekolah, pelajar-pelajar mestilah mendengar nasihat dan teguran daripada guru mereka. ☐

Gerak Kerja 2

Tuliskan “Patuh” atau “Tidak Patuh” pada pernyataan berikut.

1. Ali selalu bising di bilik perpustakaan. _____
2. Siti Nabila seorang anak yang sering mendengar nasihat kedua-dua ibu bapanya. _____
3. Ahmad dan rakan sebiliknya sentiasa menjaga kebersihan bilik asrama mereka. _____
4. Pemandu kereta itu tidak berhenti ketika lampu isyarat berwarna merah. _____
5. Rosman selalu datang ke sekolah tepat pada waktunya. _____

Gerak Kerja 3

Baca dan fahami petikan di bawah dan jawab soalan-soalan yang disediakan.

Hassan, Moksin, dan Ismail adalah tiga sekawan yang cukup dikenali dengan sikap nakal mereka. Mereka menuntut di tingkatan yang sama. Hassan, Moksin, dan Ismail sering mengacau teman-teman sekelas mereka dan juga sering melanggar peraturan sekolah. Mereka jarang melakukan apa yang disuruh oleh guru mereka.

Pada suatu hari, Hassan, Moksin, dan Ismail berhasrat untuk ponteng sekolah. Hassan bercadang untuk lepak di sebuah pasar raya Gadong. Pada mulanya Ismail membantah kerana dia takut terserempak dengan ibu bapanya di tempat itu. Setelah puas dipujuk oleh Hassan dan Moksin, akhirnya Ismail pun bersetuju untuk pergi sama dan berjanji akan pulang semula ke sekolah sebelum tengah hari. Di sekolah, Cikgu Linda mencari Hassan, Moksin, dan Ismail. Rakan-rakan yang lain tidak tahu ke mana mereka pergi. Cikgu Linda memang sudah maklum dengan perbuatan tiga sekawan itu. Sudah berkali-kali Cikgu Linda menasihati dan menegur mereka, tetapi Hassan, Moksin, dan Ismail tidak menghiraukannya. Walaupun Cikgu Linda sudah berusaha untuk mengubah sikap ketiga-tiga mereka dengan cara mendenda dengan membuat kerja rumah, namun tidak juga berhasil akhirnya.

Pada keesokan harinya, Hassan, Moksin, dan Ismail datang ke sekolah seperti biasa. Apabila Cikgu Linda mengajukan pertanyaan, mereka menjawab dengan berbagai-bagai alasan yang mereka berikan. Cikgu Linda sekali lagi menasihati mereka dengan berkata bahawa sebagai pelajar mereka mesti taat dan patuh kepada peraturan dan undang-undang sekolah sekiranya mereka ingin berjaya di dalam pelajaran. Sebagai anak pula mereka wajib taat kepada ibu bapa yang menyuruh mereka untuk belajar dan menghantar mereka ke sekolah. Mereka patut bersyukur kerana berpeluang untuk pergi sekolah dan belajar dengan selesa. Sedangkan di setengah-setengah negara lain adalah amat susah bagi anak-anak yang ingin belajar untuk pergi ke sekolah kerana ibu bapa mereka tidak mampu menghantar mereka. Cikgu Linda berkata dia menasihati mereka atas rasa tanggungjawab kepada mereka kerana dia percaya mereka bertiga adalah pelajar-pelajar yang bijak dan boleh berjaya dalam pelajaran.

Selepas pulang dari sekolah ketiga-tiga mereka memikirkan apa yang dikatakan oleh Cikgu Linda itu adalah betul. Perbuatan mereka yang sering ponteng sekolah tidak akan menguntungkan mereka malah akan merugikan. Mereka terfikir jika perbuatan mereka ini diketahui oleh ibu bapa mereka tentu mereka akan berasa kecewa dan rasa sedih. Mereka berjanji pada diri mereka sendiri yang mereka tidak akan melakukan perbuatan yang tidak baik itu dan akan mendengar nasihat Cikgu Linda. Mereka berharap Cikgu Linda akan mempercayai kata-kata mereka.

Keesokan harinya, mereka bertiga pergi berjumpa Cikgu Linda. Mereka mengatakan rasa kesal mereka akan perbuatan mereka itu dan meminta maaf kepada Cikgu Linda. Mereka berjanji untuk mengubah sikap mereka dan akan mematuhi peraturan sekolah. Cikgu Linda berasa senang hati kerana mereka telah menyedari perbuatan mereka itu. Sejak hari itu, Hassan, Moxsin, dan Ismail berubah menjadi tiga sekawan yang patuh dan berdisiplin dan menanam hasrat untuk berjaya dalam pelajaran.

1. Apakah kesalahan yang dibuat oleh Hassan, Moxsin, dan Ismail sebagai penuntut?

2. Apakah yang sepatutnya dibuat oleh Hassan, Moxsin, dan Ismail sebagai seorang penuntut?

3. Berdasarkan kesalahan tersebut, bagaimanakah cara-cara untuk memimpin Hassan, Moxin, dan Ismail supaya menjadi orang yang patuh?

4. Apakah pengajaran yang dapat kita ambil daripada petikan ini?

5. Berikan contoh seseorang yang mempunyai sikap patuh.

Gerak Kerja 4

Tandakan (✓) untuk yang 'patuh' dan (x) untuk perlakuan yang 'tidak patuh'.

1. Apabila kita melintasi jalan raya, kita tidak boleh menggunakan 'lintasan zebra'. ☐
2. Sudah puas ibu Sarimah menasihati supaya Sarimah tidak tidur di rumah kawannya tetapi dia berdegil dan tidak mengindahkan larangan ibunya. ☐
3. Ketika memandu kenderaan, kita mestilah mengikut peraturan jalan raya. ☐
4. Jamaluddin selalu lewat datang ke sekolah. ☐
5. Hashim telah dianugerahkan sebagai pelajar contoh kerana mempunyai rekod disiplin yang sangat baik. ☐

TANGGUNGJAWAB

Tanggungjawab ialah kesanggupan seseorang memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. Sikap bertanggungjawab bererti bersedia memikul segala kerja yang diberikan dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam segala tindakan tanpa menyerahkan tugas kepada orang lain. Sikap bertanggungjawab juga sanggup menerima apa sahaja kritikan dan pujian yang diberikan. Misalnya bertanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat, dan pemimpin. Sikap bertanggungjawab adalah penting bagi kita kerana sikap ini boleh menjamin kesejahteraan hidup.

Seseorang yang bertanggungjawab ialah orang yang sanggup untuk membuat tugas yang diberikan dengan hati terbuka, gigih, cekal dan tekun melaksanakan kewajipan yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Dia bersungguh-sungguh melaksanakan tugas dan kewajipan. Dia juga akan mengaku jika membuat apa sahaja kesalahan. Apabila seseorang itu bertanggungjawab, orang lain akan senang bergaul dengannya dan mudah mempercayai dirinya.

Sikap bertanggungjawab adalah penting dan wajib dilaksanakan oleh setiap individu. Di antara tanggungjawab itu termasuklah tanggungjawab kepada diri sendiri, keluarga dan juga masyarakat. Misalnya, tanggungjawab sebagai pelajar ialah untuk belajar bersungguh-sungguh dan menyiapkan kerja-kerja yang diberi oleh guru sekolah. Tanggungjawab ibu bapa kepada anaknya ialah dengan mendidik mereka supaya menjadi anak yang berguna. Tanggungjawab guru pula ialah mendidik dan mengasuh pelajar-pelajarnya dengan dedikasi. Tanggungjawab anak kepada ibu bapa pula ialah supaya mengikut segala ajaran dan suruhan mereka dan menjadi anak yang baik dan taat. Tanggungjawab kita sebagai rakyat ialah memastikan negara kita ini akan sentiasa aman damai dan hidup dengan harmoni.

Seseorang yang tidak bertanggungjawab bererti dia tidak menunaikan amanah yang diberikan kepadanya, tidak menepati janji, tidak mengaku kesalahannya dan orang akan hilang kepercayaan terhadapnya. Seseorang yang tidak bertanggungjawab boleh mendatangkan masalah kepada dirinya sendiri dan juga orang lain. Misalnya apabila seorang pelajar yang diberikan kerja rumah oleh guru sekolahnya dan dia berjanji untuk menyalurnya. Tetapi dia tidak menyiapkan kerja rumah tersebut dan tidak menepati janji kepada gurunya. Tentu ini akan menyusahkan dirinya sendiri dan juga gurunya.

Oleh itu sikap bertanggungjawab adalahlah penting bagi setiap individu mengamalkannya. Apabila tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan baik maka akan wujudlah kebahagiaan, meningkatkan imej dan menjaga maruah keluarga dan masyarakat.

Gerak Kerja 1

Jawab soalan-soalan di bawah ini.

1. Apakah yang dimaksudkan tanggungjawab itu?

2. Apakah kebbaikannya apabila kita hidup dalam sikap tanggungjawab?

3. Apakah keburukannya apabila kita hidup dalam keadaan yang tidak tanggungjawab?

4. Mengapakah kita harus bertanggungjawab kepada keluarga dan masyarakat?

5. Awda adalah seorang yang bersikap bertanggungjawab. Jelaskan.

Gerak Kerja 3

Tandakan (✓) bagi sikap bertanggungjawab dan (x) bagi sikap tidak bertanggungjawab.

1. Mokhtar yang dilantik menjadi Ketua Kebersihan Menengah 2B itu, selalu memastikan kelas mereka bersih dan kemas. ☐
2. Siti tidak mengindahkan suruhan emaknya dengan membiarkan pinggan itu tidak bercuci. ☐
3. Sebagai abang yang sulung, Hakimin menjaga adik-adiknya yang masih kecil itu, semasa ibu bapa mereka menunaikan umrah. ☐
4. Setelah dimarahi oleh bapanya, perangai Khairul sudah berubah. Dia tidak lupa mengerjakan suruhan Allah subhanahu wa taala. ☐
5. Haji Abas sibuk menguruskan majlis kahwin anaknya. Manakala jiran-jirannya juga turut bergotong-royong menolongnya. ☐

Gerak Kerja 4

Pilih jawapan yang betul dan tandakan (a) atau (b) atau (c) pada petak yang disediakan.

1. Salah satu sikap bertanggungjawab ialah:
 - a. berbakti, mentaati dan memberi kasih sayang kepada kedua-dua ibu bapa.
 - b. memberikan berbagai-bagai alasan untuk menafikan tuduhan itu. ☐
 - c. membuang sampah di merata-rata tempat.
2. Bertimbang rasa adalah salah satu tanggungjawab seseorang. Untuk menunjukkan sikap bertimbang rasa kepada ibu bapa, mestilah:
 - a. bising ketika ibu bapa sedang berehat.
 - b. membantu mengangkat barang-barang yang mereka bawa. ☐
 - c. meminta sesuatu yang di luar kemampuan mereka.

3. Tanggungjawab ialah:
- a. tugas yang wajib dan patut dipikul oleh setiap individu.
 - b. tugas yang tidak seharusnya dibuat oleh setiap individu.
 - c. tugas yang tidak sepatutnya dipupuk dari sejak kecil lagi.
4. Jika seseorang itu tidak bertanggungjawab atas apa yang dilakukannya, ia akan:
- a. bersedia untuk mendengar kritikan dan nasihat.
 - b. mengaku akan kesilapannya tanpa memberikan banyak alasan.
 - c. memberi banyak alasan terhadap kesilapannya.
5. Cara-cara untuk mempraktikkan sikap tanggungjawab ialah melalui:
- a. mengikut apa sahaja yang disuruh oleh ibu bapa, guru, dan orang yang lebih tua.
 - b. meninggalkan apa yang disuruh oleh agama.
 - c. membuat perkara yang dilarang oleh guru.

TERBITAN



BIRO MENEGEGAH RASUAH
JABATAN PERDANA MENTERI



JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KERJASAMA



BRUNEI SHELL PETROLEUM CO SDN BHD